

Memperkenalkan EV 365 Care:

ELEKTRIK ADALAH
MASA DEPAN.
**BEGITU JUGA
PERLINDUNGAN
UNTUK ANDA.**

Penyelesaian insurans yang
direka khusus untuk pemilik
kenderaan elektrik.

Sekaligus melindungi
kenderaan, pencecas dan
ketenangan minda anda.

Nota Faedah

- Faedah ini disediakan sebagai pakej tambahan kepada faedah tersedia dalam polisi asas motor.
- Produk ini ditawarkan untuk pelanggan Liberty Insurance yang mempunyai polisi insurans Komprehensif Kenderaan Persendirian, sebagai pakej tambahan.

Pengecualian

- Pengecualian untuk Faedah 1:
 - Kerosakan terhadap BEV Anda akibat bateri kehabisan elektrik.
 - Kos mengecas di stesen pengecas elektrik yang berfungsi di mana BEV ditunda ke.
 - Sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.
- Pengecualian untuk Faedah 2 dan 6:
 - Kekurangan atau pembaikan yang tidak betul termasuk penggunaan aksesori atau bahagian pengeluaran yang tidak tulen.
 - Untuk kegunaan komersial.
 - Sebarang tuntutan yang perlu dibayar dan/atau dilindungi di bawah mana-mana polisi khusus lain.

- Pengecualian lain dalam polisi asas motor anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Notis Penting

- Risalah ini hanyalah penerangan ringkas tentang produk ini. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat penuh mengenai produk ini.
- Kenyataan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Menjadi tanggungjawab pelanggan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah agar tidak memberikan salah penyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab sebarang soalan yang mungkin dikemukakan oleh penanggung insurans yang berkaitan dengan keputusan sama ada untuk menerima risiko tersebut atau tidak serta kadar dan terma yang akan dikenakan.
- Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ditanggung jamin oleh:

**Liberty General
Insurance Berhad**

197801007153 (44191-P)

IBU PEJABAT

Liberty Insurance Tower
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur.

1 800 88 3833

customer@kurnia.com

www.kurnia.com

IMBAS untuk senarai
alamat cawangan




Kunjungi ejen &
cawangan kami

1 800 88 3833

www.kurnia.com

EV365 CARE

Perlindungan masa depan
era elektrik.



Ditanggung jamin oleh:

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

EV365 CARE

Perlindungan menyeluruh dari kenderaan hinggalah ke pengecas.

Anda bukan sahaja membeli kenderaan; anda melabur demi masa depan pintar dan bersih. Tetapi EV mempunyai keperluan yang unik, dari penjagaan bateri hingga ke keselamatan pengecas rumah.

Insurans biasa tidak direka untuk bateri berteknologi canggih atau risiko pengecasan awam; **EV 365 Care** adalah jawapannya. Sekarang anda mempunyai pelan perlindungan khas untuk kenderaan anda supaya sentiasa maju ke hadapan.

Kenapa EV 365 Care?

Perlindungan yang direka khas untuk ekosistem elektrik, memastikan anda sentiasa terjana dan dilindungi, 365 hari setahun.

PERLINDUNGAN KHAS UNTUK ANDA

Perlindungan untuk kehilangan/kerosakan pada pengecas dinding rumah anda, pengecas elektrik mudah alih dan banyak lagi.



BANTUAN TUNDA TANPA HAD

Perkhidmatan yang direka untuk memastikan anda sentiasa bergerak, walaupun apabila kehabisan bateri.



JAMINAN TERHADAP KANDUNGAN RUMAH

Nikmati perlindungan kerosakan untuk barang-barang anda di dalam rumah yang disebabkan secara langsung oleh pengecas dinding rumah anda.



Perlindungan 360° untuk pemilik EV Moden

Manfaat-manfaat	Jumlah Diinsuranskan	
	BEV 365 Care	PHEV 365 Care
1 Bantuan Penundaan 24 Jam: Kehabisan Caj	Tiada had – ke stesen pengecas elektrik terdekat yang berfungsi, atau rumah anda atau rumah pemandu dibenarkan oleh anda, di mana yang terdekat	Tidak Berkenaan
2 Kerugian atau Kerosakan pada Pengecas Dinding Rumah	Sehingga RM12,000	
3 Liabiliti Peribadi Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah	Sehingga RM50,000	
4 Perlindungan Ihsan Untuk Kerosakan Rumah Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah	Sehingga RM5,000	
5 Perlindungan Ihsan Semasa Menggunakan Stesen Pengecasan Awam	Sehingga RM5,000	
6 Kerugian atau Kerosakan Pada Pengecas Elektrik Mudah Alih	Sehingga RM2,000	

Premium Tahunan
(tidak termasuk Cukai Perkhidmatan)

RM150

Nota:

- “Kenderaan Elektrik Berkuasa Bateri (BEV)” merujuk kepada kenderaan elektrik yang menggunakan tenaga elektrik yang disimpan dalam pek bateri yang boleh dicas semula, tanpa enjin pembakaran dalaman.
- “Kenderaan Elektrik Hibrid Plug-in (PHEV)” merujuk kepada kenderaan hybrid yang menggabungkan enjin pembakaran dalaman dengan pek bateri yang boleh dicas semula.